

TEKS UCAPAN
DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA MAJLIS KUNJUNG HORMAT DAN PENYERAHAN TUGAS
AHLI JAWATANKUASA POTENSI SESI 2018 - 2020
9 MAC 2018
DI DEWAN KEIKHLASAN, TINGKAT 10, BANGUNAN KWSP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Negaraku Malaysia - Sehati Sejiwa

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia Timbalan - timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti

Yang Mulia Raja Shah Erman Raja Arifin, Presiden Persatuan Pegawai Tadbir Dan Ikhtisas (POTENSI), Sesi 2018-2020

Yang Berusaha En. Rusdi Puteh, Presiden POTENSI, Sesi 2016-2018

Barisan Jawatankuasa POTENSI baru dan lama

Seterusnya Para hadirin yang dihormati sekalian

ALUAN KATA

1. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita merafakakan kesyukuran kehadrat Allah Azza wajalla kerana diberi ruang bersama-sama untuk hadir dalam satu lagi platform pemerkasaan para pentadbir UniMAP.
2. Saya kira belum terlambat untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Baru POTENSI dibawah kepimpinan YM Raja Shah

Erman Raja Arifin dan juga ucapan terima kasih kepada En. Rusdi Puteh dan jawatankuasa sebelumnya yang memimpin POTENSI selama dua tahun sebelum ini. Didoakan peralihan kali ini akan terus memberi impak positif kepada POTENSI UniMAP.

Hadirin sekalian

INTIPATI 1

3. Umum mengetahui bahawa baru-baru ini pihak universiti baharu sahaja mengadakan pusingan kerja kepada beberapa pentadbir yang merupakan ahli POTENSI.
4. Pusingan kerja ini bertujuan untuk memantapkan lagi para pentadbir UniMAP dengan pelbagai pendedahan skop kerja yang berbeza. Keunikan perubahan bidang kerja ini amat unik yang diberikan kepada para pentadbir. ini kerana para pentadbir berpeluang sepanjang perkhidmatan memperolehi ilmu dan kemahiran bidang tugas yang berbeza.
5. Pelaksanaan pusingan kerja ini juga rentetan dari kenaikan pangkat beberapa orang pentadbir dari Gred 41 ke Gred 44 secara flexi.
6. Perubahan Ini Juga Saya Yakin Memenuhi Kepada Kehendak POTENSI Sebelum Ini Yang Mahu Melihat Para Pentadbir Diberi Peluang Untuk Berada Di Setiap Sudut Ruang Pentadbiran Sekaligus Memantapkan Lagi Peranan Para Pentadbir Di UniMAP Ini

Hadirin sekalian,

INTIPATI 2

7. POTENSI dilihat sebagai satu-satunya persatuan staf yang hidup dan aktif di UniMAP sejak ditubuhkan tujuh tahun yang lalu sehingga ke hari

- ini. Momentum POTENSI dilihat seiring dengan Misi dan Visi universiti dalam setiap objektif yang disasarkan.
8. Namun jika kita sama-sama lihat kedudukan para pentadbir UniMAP ketika ini masih belum mencapai tahap yang optimum dalam setiap kepelbagaian aspek.
 9. Dengan kedatangan REVOLUSI Perindustrian Keempat (Industri 4.0) yang saya yakin para pentadbir UniMAP telah mendapat input secukupnya.
 10. Namun, saya agak khuatir dengan kemampuan kita untuk seiring dengan visi kementerian di mana jika dilihat semua punca kuasa revolusi ini diproses atau disimpan oleh para pentadbir.
 11. Mahu tidak mahu para pentadbir UniMAP harus pantas menyusuri arus ini memandangkan setiap agenda universiti hari ini dalam membantu mencapai petunjuk prestasi utama universiti.
 12. Justeru itu, saya ingin menyarankan kepada semua ahli POTENSI yang juga pentadbir UniMAP agar terus mengoptimumkan tugas dan menjadikan setiap gerakkerja dengan lebih efisien dan efektif disamping bersama-sama membantu universiti mengukuhkan asas pentadbiran dan pengurusan.
 13. Saya amat percaya dengan ilmu dan pengalaman serta jaringan yang terbina di luar sana mampu melonjakkan peranan pentadbir sekaligus menjadikan governan universiti antara yang terbaik

Hadirin sekalian

INTIPATI 3

14. Pihak saya dan universiti sedar akan beberapa kehendak dan tuntutan kesamarataan antara kumpulan pentadbiran dan kumpulan akademik.

15. Isu perjawatan, pelantikan, pengembangan ilmu dan lain-lain peluang yang kompetitif sebenarnya turut menjadi agenda pihak pengurusan universiti dan berusaha mewujudkan dasar yang lebih baik.
16. Atas kapasiti itu juga, saya turut menggalakkan POTENSI memberikan input-input terbaik dan '*Best Practices*' dari universiti yang lain agar dasar baru yang ingin diperkenalkan telah dikaji dahulu dan diperdengarkan sebelum disahkan pelaksanaannya.

Hadirin sekalin

PENUTUP

17. Perjalanan Tuan/Puan masih jauh. Ini kerana, kebanyakan kumpulan pentadbir UniMAP mempunyai 20 - 30 tahun lagi perkhidmatannya di sini. Susun dan aturlah pasukan terbaik agar apabila tiba masa dan ketikanya nanti, tuan/puan akan menjadi individu penting yang sama-sama menjadi pembuat keputusan untuk universiti ini.
18. Sebelum mengakhiri ucapan, besarlah harapan saya agar potensi akan terus dapat melahirkan para pentadbir yang kompetitif dan matang dalam setiap keputusan dan tindakan.
19. Sekian sahaja ucapan dan amanat saya untuk kali ini, saya doakan POTENSI akan terus cemerlang demi UniMAP yang kita sayangi ini.

Saya sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Taala Wabarakatuh